



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

PENGUBAHSUAIAN KSAS DI KELANTAN JEJAS USAHA PEMULIHARAAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bercadang untuk menghentikan pembayaran Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT) kepada negeri Kelantan sekiranya cadangan pengubahan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan diteruskan.

Ini kerana ia tidak selari dengan prinsip pelaksanaan EFT, iaitu insentif kewangan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang diperkenalkan pada tahun 2019 bagi melindungi dan memulihara kawasan penting untuk kepelbagaian biologi termasuk KSAS.

Setakat ini, lebih RM29 juta telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dari 2019 hingga 2023. Manakala jumlah peruntukan EFT mengikut tahun adalah seperti berikut:

1. RM5.81 juta (2019);
2. RM5.93 juta (2020);
3. RM5.93 juta (2021);
4. RM11.47 juta (2023)

Di bawah Bajet 2024, YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menaikkan jumlah peruntukan EFT untuk seluruh negara dari RM150 juta setahun (2023) ke RM200 juta (2024). Sebelum itu EFT adalah RM70 juta setahun.

Oleh itu, Kerajaan Negeri Kelantan sepatutnya memanfaatkan peruntukan EFT yang telah disediakan dengan melaksanakan lebih banyak inisiatif bagi meningkatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Cadangan perubahan Pelan Pembangunan yang melibatkan pengubahsuaian

KSAS di negeri Kelantan juga akan menjejaskan usaha-usaha pemuliharaan kepelbagaian biologi dan adalah tidak selari dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 (DKBK 2022-2030) yang baru dilancarkan pada 24 Oktober 2023.

Di bawah DKBK 2022-2030, telah digariskan keperluan untuk mengukuhkan perlindungan kawasan penting kepelbagaian biologi sebagai KSAS dalam Pelan Pembangunan di peringkat negeri dan tempatan.

Ia turut menjejaskan sasaran negara untuk meningkatkan peratusan kawasan perlindungan (*protected areas*) bagi memenuhi obligasi di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi.

Selain itu, pengubahsuaian KSAS juga akan memberi impak kepada komitmen Malaysia terhadap Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil, pada tahun 1992, yang beriltizam untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan dicapai.

Saya berharap agar Kerajaan Negeri Kelantan menimbang semula cadangan perubahan Rancangan Pemajuan melibatkan KSAS di negeri Kelantan dan bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan melalui NRECC untuk mengukuhkan pengurusan kepelbagaian biologi negara.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
28 OKTOBER 2023

